



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SUMBANGAN KECERDASAN EMOSI, DAYA TINDAK, DAN SOKONGAN SOSIAL  
TERHADAP PENYESUAIAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN  
PELAJAR BAHARU DI UNIVERSITI**

**MARIA CHONG BINTI ABDULLAH**

**FPP 2008 30**

**SUMBANGAN KECERDASAN EMOSI, DAYA TINDAK, DAN SOKONGAN  
SOSIAL TERHADAP PENYESUAIAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
DALAM KALANGAN PELAJAR BAHRU DI UNIVERSITI**

**OLEH**

**MARIA CHONG BINTI ABDULLAH**

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2008**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**SUMBANGAN KECERDASAN EMOSI, DAYA TINDAK, DAN SOKONGAN SOSIAL TERHADAP PENYESUAIAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR BAHRU DI UNIVERSITI**

Oleh

**MARIA CHONG ABDULLAH**

**Pengerusi: Profesor Habibah Elias, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Penyesuaian merupakan peramal yang signifikan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar baharu di universiti. Masalah penyesuaian boleh menjelaskan prestasi pelajar ini sekiranya tidak diatasi. Justeru, kajian ini bertujuan menyelidik peranan penyesuaian keseluruhan pelajar sebagai pemboleh ubah perantara dalam meramal hubungan antara kecerdasan emosi, daya tindak, dan sokongan sosial dengan pencapaian akademik di universiti. Di samping itu, kajian ini turut meneroka tahap pencapaian akademik, penyesuaian, kecerdasan emosi, usaha daya tindak, dan kepuasan sokongan sosial pelajar terhadap sokongan sosial yang boleh didapati di universiti.

Menggunakan reka bentuk deskriptif korelasi, kajian ini melibatkan 250 orang pelajar semester pertama di sebuah universiti awam tempatan. Instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian adalah terdiri daripada Soal Selidik Penyesuaian Pelajar di Universiti (untuk mengukur penyesuaian di universiti), *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test<sup>TM</sup>* (untuk mengukur



kecerdasan emosi), Soal Selidik Cara Daya Tindak (untuk mengukur usaha daya tindak), dan Senarai Penilaian Sokongan Interpersonal-Versi kolej (untuk mengukur sokongan sosial). Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti pelajar mempunyai tahap penyesuaian keseluruhan, dimensi penyesuaian akademik, sosial, peribadi-emosi, dan komitmen matlamat/perapatan institusi yang sederhana. Pelajar juga menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang rendah, iaitu pada tahap perkembangan. Kajian mendapati tahap penggunaan strategi daya tindak pelajar dan kepuasan mereka terhadap sokongan sosial yang boleh didapati di universiti adalah sederhana. Dimensi penyesuaian akademik didapati merupakan peramal pencapaian akademik yang tertinggi, diikuti oleh dimensi penyesuaian peribadi-emosi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penyesuaian keseluruhan pelajar berdasarkan jantina dan pencapaian akademik pelajar. Tahap penyesuaian keseluruhan pelajar lelaki didapati lebih tinggi berbanding dengan tahap penyesuaian keseluruhan pelajar perempuan. Pelajar yang memperoleh purata nilai gred yang tinggi didapati menunjukkan tahap penyesuaian keseluruhan yang lebih tinggi berbanding dengan mereka memperoleh purata nilai gred yang rendah.

Keputusan analisis laluan pula menunjukkan penyesuaian keseluruhan merupakan perantara yang penting dalam menerangkan hubungan antara kecerdasan emosi, daya tindak, dan sokongan sosial dengan pencapaian akademik pelajar. Sokongan sosial didapati menerima kesan perantaraan yang paling tinggi daripada penyesuaian keseluruhan dalam meramal pencapaian akademik pelajar. Dapatkan kajian juga menunjukkan kecerdasan emosi memberi kesan keseluruhan yang paling tinggi

terhadap pencapaian akademik pelajar. Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapat ciri psikososial pelajar iaitu kecerdasan emosi, daya tindak, dan sokongan sosial mempunyai impak yang positif terhadap pencapaian akademik melalui penyesuaian keseluruhan mereka sebagai pengantara.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia  
in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**CONTRIBUTION OF EMOTIONAL INTELLIGENCE, COPING, AND  
SOCIAL SUPPORT TOWARDS ADJUSTMENT AND ACADEMIC  
ACHIEVEMENT AMONGST FRESH STUDENTS IN THE UNIVERSITY**

By

**MARIA CHONG ABDULLAH**

**Chair: Professor Habibah Elias, PhD**

**Faculty: Educational Studies**

Adjustment is a significant predictor of academic achievement amongst fresh students in university. Adjustment problems can affect the students' performance if they are not overcome. Thus, this study aims to investigate the role of students' overall adjustment as a mediator in predicting the relationship between emotional intelligence, coping, and social support with academic achievement in the university. Besides that, this study also explores students' level of academic achievement, adjustment, emotional intelligence, coping effort, and their level of satisfaction towards the availability of social support at the university.

Using correlational descriptive design, this study involved 250 first semester students at a local public university. Instruments employed to measure the research variables in this study are: Student Adaptation to College Questionnaire (to assess adjustment to university), Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test<sup>TM</sup> (to assess emotional intelligence), Ways of Coping Questionnaire (to assess coping effort), and Interpersonal Social Evaluation List-College Version (to assess social support). Data



was analyzed using descriptive and inferential statistics. Research findings showed that majority of the students have a moderate overall adjustment level, as well as for the academic adjustment, social adjustment, personal-emotional adjustment, and goal commitment/institutional attachment dimensions. Students also demonstrated a low level of emotional intelligence, which was at the developmental level. Research findings show that students' level of coping effort and their satisfaction towards social support that was available at the university were moderate. Academic adjustment dimension was found to be the highest predictor for academic achievement followed by the personal-emotional adjustment dimension. Findings of the study indicated that there were significant differences in students' overall adjustment level based on their gender and academic achievement. Male students' overall level of adjustment was found to be higher compared to female students. Students who achieved higher grade point average were found to have higher overall level of adjustment compare to those who achieved low grade point average.

The path analysis results showed that the overall adjustment was an important mediator in explaining the relationship between emotional intelligence, coping, and social support and students' academic achievement. It was found that social support perceived the highest mediating effect from overall adjustment in predicting students' academic achievement. Research findings also indicated that emotional intelligence contributed the highest overall effect on students' academic achievement. In conclusion, this study shows that students' psychological attributes such as emotional intelligence, coping, and social support have a positive impact on academic achievement through their overall adjustment as mediator.

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Habibah Elias, Prof. Madya Dr. Rahil Hj. Mahyuddin, dan Prof. Madya Dr. Jegak Uli atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pengajian saya.

Ucapan terima kasih dan penghargaan buat Dr. Ma'arof Redzuan, Dr. Roselan Baki, dan Dr. Noreen Noordin atas segala kerjasama dan sokongan yang diberikan khususnya dalam penghasilan instrumen kajian.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada individu-individu yang sentiasa menghulurkan pertolongan dan sokongan khususnya buat Dr. Samsilah Roslan, Dr. Rosnaini Mahmud, Dr. Fadzilah Abd. Rahman, Dr. Siti Aishah Hassan, dan Prof. Madya Dr. Mohd. Sofian Omar Fauzee selaku pakar rujuk teknikal, dan juga sahabat-sahabat yang sentiasa bersedia untuk membantu dan memberi dorongan, Dr. Nur Surayyah Mahdubala Abdullah, Dr. Tajularipin Sulaiman, Dr. Ong Gua Pak, dan Encik Mohd. Masridien Khosim.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada pihak universiti atas segala kerjasama yang telah diberikan, iaitu pihak fakulti serta pelajar yang terlibat secara langsung dalam proses pengumpulan data untuk tesis ini.



Akhir sekali, sekalung kasih untuk suami tercinta, Encik Abd. Rahim Talib, anak-anak dan menantu yang dikasihi, Irwan Abd. Rahim, Nur Aznida Abdul Wahid, Mastura Abd. Rahim, dan Amirah Syamimi, atas segala pengorbanan, sokongan, dan dorongan yang telah dicurahkan. Ucapan terima kasih yang istimewa buat Mama, dan adik beradik tersayang yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sepanjang tempoh pengajian saya.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa tesis bagi Maria Chong Abdullah telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 28 Oktober 2008 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Sumbangan Kecerdasan Emosi, Daya Tindak, dan Sokongan Sosial Terhadap Penyesuaian dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Baharu Di Universiti” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa memperakarkan bahawa calon ini layak untuk dianugerahkan ijazah tersebut.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Siti Aishah Hassan, PhD**  
 Fakulti Pengajian Pendidikan  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Pengerusi)

**Samsilah Roslan, PhD**  
 Fakulti Pengajian Pendidikan  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Ahli)

**Rusnani Abd. Kadir, PhD**  
 Profesor Madya  
 Fakulti Pengajian Pendidikan  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Ahli)

**Datin Quek Ai Hwa, PhD**  
 Profesor  
 Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan  
 Fakulti Pendidikan  
 Universiti Malaya  
 (Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**  
 Profesor dan Dekan  
 Sekolah Pengajian Siswazah  
 Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Habibah Elias, PhD**

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Rahil Hj. Mahyuddin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Jegak Uli, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 Januari 2009



**PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**MARIA CHONG ABDULLAH**

Tarikh: 19 Julai 2008



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix

### BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Faktor Kecerdasan Emosi (EQ)	4
1.2.2 Faktor Daya Tindak	5
1.2.3 Faktor Sokongan Sosial	6
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.6.1 Kepentingan Daripada Aspek Teori	13
1.6.2 Kepentingan Kajian Daripada Aspek Amalan Praktik	15
1.7 Skop Kajian	16
1.8 Limitasi Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Penyesuaian	19
1.9.2 Kecerdasan Emosi	20
1.9.3 Daya Tindak	21
1.9.4 Sokongan Sosial	22
1.9.5 Psikososial	23
1.9.6 Pelajar Universiti	23
1.9.7 Pencapaian Akademik	23
1.10 Rumusan	24
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	25
2.1 Pengenalan	25
2.2 Teori Penyesuaian Pelajar	25
2.2.1 Teori Penyesuaian Arkoff (1968)	26
2.2.2 Model Penyesuaian Baker dan Siryk (1984)	28
2.2.3 Model Longitudinal Pemergian Pelajar di Universiti	32
2.2.4 Pengukuran Penyesuaian	36
2.3 Teori Kecerdasan Emosi (EQ)	38
2.3.1 Konsep Kecerdasan Emosi (EQ)	38
2.3.2 Teori dan Model Kecerdasan Emosi (EQ)	41



2.3.3	Pengukuran Kecerdasan Emosi	58
2.4	Teori Daya Tindak	60
2.4.1	Teori Daya Tindak Sebagai Proses	61
2.4.2	Pengukuran Daya Tindak	70
2.5	Teori Sokongan Sosial	72
2.5.1	Pengukuran Sokongan Sosial	77
2.6	Kajian Tentang Penyesuaian	79
2.6.1	Masalah Penyesuaian dan Hubungan Antara Penyesuaian dengan Pencapaian Akademik	81
2.7	Hubungan Antara Penyesuaian dengan Kelulusan Akademik Pra Universiti	87
2.8	Hubungan Penyesuaian dengan Faktor Jantina	89
2.9	Hubungan Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Penyesuaian dan Daya Tindak	90
2.9.1	Hubungan Teori Keupayaan Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Penyesuaian	91
2.9.2	Hubungan Teori Keupayaan Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Daya Tindak	93
2.9.3	Hubungan Teori Campuran Kecerdasan Emosi (EQ) Dengan Penyesuaian dan Daya Tindak	96
2.9.4	Hubungan Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Penyesuaian dan Daya Tindak Berdasarkan Model EQ Matthews dan Zeidner (2000)	99
2.9.5	Kajian Tentang Hubungan Antara Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Penyesuaian	101
2.9.6	Kajian Tentang Hubungan Antara Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Daya Tindak	104
2.10	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Sokongan Sosial	107
2.11	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Pencapaian Akademik	109
2.12	Hubungan Antara Daya Tindak dengan Penyesuaian	111
2.12.1	Hubungan Antara Teori Daya Tindak dengan Penyesuaian	111
2.12.2	Kajian Tentang Hubungan Daya Tindak dengan Penyesuaian	113
2.12.3	Kajian Tentang Hubungan Daya Tindak dengan Pencapaian Akademik	117
2.13	Hubungan Antara Sokongan Sosial dengan Penyesuaian	118
2.13.1	Hubungan Antara Teori Sokongan Sosial dengan Penyesuaian	118
2.13.2	Kajian Tentang Hubungan Sokongan Sosial dengan Penyesuaian	120
2.14	Hubungan Antara Sokongan Sosial dengan Daya Tindak	124
2.14.1	Hubungan Antara Teori Sokong Sosial dengan Daya Tindak	125
2.14.2	Kajian Tentang Hubungan Sokongan Sosial dengan Daya Tindak	126

2.15	Hubungan Antara Sokongan Sosial dengan Pencapaian Akademik	129
2.16	Kesan Penyesuaian Keseluruhan ke Atas EQ,, Daya Tindak, dan Sokongan Sosial dalam Meramal Pencapaian Akademik	130
2.17	Kesan Perantaraan Sokongan Sosial dan Daya Tindak ke Atas Kecerdasan Emosi (EQ) dalam Meramal Penyesuaian	132
2.18	Kesan Perantaraan Daya Tindak ke Atas Sokongan Sosial dalam Meramal Penyesuaian	133
2.19	Kerangka Teori Kajian	135
2.20	Kerangka Konseptual Kajian	142
2.21	Rumusan	145
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	149
3.1	Pendahuluan	149
3.2	Reka Bentuk Kajian	149
3.3	Teknik Pengumpulan Data	152
3.3.1	Model Cadangan Kajian	153
3.4	Populasi Kajian	155
3.5	Penetapan Saiz Sampel Kajian	157
3.6	Kaedah Persampelan	161
3.7	Instrumen Kajian	165
3.7.1	Soal Selidik Penyesuaian Pelajar di Universiti (SSPPU)	166
3.7.2	<i>Mayer-Salovey-Caruso emotional Intelligence Test (MSCEIT™)</i>	172
3.7.3	Soal Selidik Cara Daya Tindak (SSCDT)	175
3.7.4	Senarai Penilaian Sokongan Interpersonal -Versi Kolej (SPSI)	178
3.8	Kesahan Instrumen Kajian	181
3.8.1	Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka	181
3.9	Kajian Rintis	185
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	186
3.11	Tatacara Kajian	191
3.12	Teknik Penganalisan Data	193
3.12.1	Analisis Deskriptif	194
3.12.2	Analisis Inferensi	195
3.13	Analisis Penerokaan Data	202
3.14	Rumusan	206
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	208
4.1	Pendahuluan	208
4.2	Ciri Demografi Responden	208
4.3	Tahap Pencapaian Akademik Responden	210
4.4	Tahap Penyesuaian serta Masalah Penyesuaian dalam Kalangan Responden Kajian	212
4.4.1	Jenis Masalah Penyesuaian Khusus dalam Kalangan Responden Kajian	216

4.5	Tahap Kecerdasan Emosi (EQ) Responden	221
4.6	Tahap Penggunaan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Responden	222
4.7	Tahap Kepuasan Sokongan Sosial Responden	226
4.8	Perbezaan Penyesuaian Keseluruhan Responden Berdasarkan Jantina, Kelulusan Sebelum Masuk Universiti, dan Pencapaian Akademik	229
4.8.1	Tahap Penyesuaian Responden Berdasarkan Jantina	229
4.8.2	Tahap Penyesuaian Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik Sebelum Masuk Universiti	232
4.8.3	Tahap Penyesuaian Responden Berdasarkan Pencapaian Akademik	236
4.9	Model Regresi Untuk Pencapaian Akademik	240
4.10	Sumbangan Kecerdasan Emosi (EQ), Daya Tindak, dan Sokongan Sosial Terhadap Pencapaian Akademik Melalui Penyesuaian Sebagai Perantara	246
4.10.1	Dasar Teori Bagi Pembinaan Model Cadangan	248
4.10.2	Keterangan Tentang Model Kajian	249
4.10.3	Ketepatan Padanan Keseluruhan Model	252
4.10.4	Keputusan dan Interpretasi Model Kajian serta Perbincangan	254
4.11	Sumbangan Keseluruhan Keupayaan dan Kemahiran Psikososial ke Atas Pencapaian Akademik	265
4.12	Rumusan	267
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	269
5.1	Pendahuluan	269
5.2	Rumusan Kajian	269
5.3	Kesimpulan Kajian	276
5.4	Implikasi Kajian	281
5.4.1	Implikasi dan Sumbangan Kajian Kepada Teori	282
5.4.2	Implikasi Secara Praktik	285
5.5	Cadangan	295
5.5.1	Cadangan Secara Praktik	296
5.5.2	Cadangan Terhadap Teori dan Kajian Lanjutan	309
5.6	Penutup	312
<b>BIBLIOGRAFI</b>		314
<b>LAMPIRAN</b>		331
<b>BIODATA PENULIS</b>		406

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Dimensi Penyesuaian Pelajar Universiti	29
2. Model Kecerdasan Emosi Bar-On (1997)	58
3. Model Daya Tindak Folkman & Lazarus (1988)	70
4. Dimensi Penyesuaian Pelajar Universiti	168
5. Tahap Penyesuaian Keseluruhan dan Tahap Dimensi Penyesuaian	169
6. Tafsiran Terhadap Tahap Dimensi Penyesuaian yang Rendah	171
7. Struktur dan Isi Kandungan Ujian Kecerdasan Emosi Mayer-Salovey-Caruso (MSCEIT <sup>TM</sup> )	173
8. Garis Panduan bagi Penetapan Tahap dan Pentafsiran Skor EQ	175
9. Skala Soal Selidik Cara Daya Tindak	178
10. Taburan Koefisien Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	188
11. Statistik Normaliti Kolmogrov-Smirnov dan Shapiro-Wilk Bagi Lima Pemboleh Ubah Kajian	203
12. Analisis ujian Levene bagi Pemboleh Ubah Penyesuaian Berdasarkan Jantina, Kelulusan Sebelum Masuk Universiti dan Pencapaian Akademik	204
13. Taburan Responden Mengikut Jantina, Bangsa, Jurusan, dan Kelulusan Akademik Sebelum Masuk Universiti	209
14. Taburan Responden Mengikut Program Pengajian	210
15. Pencapaian Akademik Responden	211
16. Tahap Pencapaian Akademik Responden Mengikut Kelas Ijazah	212
17. Tahap Penyesuaian Keseluruhan dan Dimensi Penyesuaian	213
18. Skor Min Penyesuaian Responden	214
19. Masalah Penyesuaian Mengikut Dimensi Penyesuaian	218

20.	Tahap Kecerdasan Emosi (EQ) Responden	222
21.	Tahap Penggunaan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Responden	224
22.	Tahap Kepuasan Sokongan Sosial Responden	227
23.	Ujian- <i>t</i> bagi Penyesuaian Keseluruhan Responden Berdasarkan Jantina	231
24.	Jadual ANOVA Bagi Penyesuaian Keseluruhan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik Sebelum Masuk Universiti	234
25.	Jadual ANOVA Bagi Penyesuaian Keseluruhan Responden Berdasarkan Kumpulan Pencapaian Akademik	237
26.	Ujian Berganda <i>Post Hoc</i> Tukey HSD bagi Perbandingan Penyesuaian Antara Kumpulan Pencapaian Akademik	238
27.	Koefisien Anggaran Bagi Model PCA ( $Y_1$ ) dengan Menggunakan Kaedah <i>Enter</i>	241
28.	Ujian Collinearity Bagi Dimensi Penyesuaian dalam Model PCA	243
29.	Korelasi Koefisien Pearson Antara PK dan PCA dengan Pemboleh ubah Bebas (EQ, DT, dan SS)	248
30.	Indeks Ketepatan Padanan Model Pencapaian Akademik Pelajar Baharu di Universiti	254
31.	Pekali Laluan Beta ( $\beta$ ) Piawai dalam Model Pencapaian Akademik Pelajar Baharu di Universiti	255
32.	Kesan Langsung (KL) dan Kesan Tidak Langsung (KTL) Keupayaan Psikososial ke Atas Pencapaian Akademik Melalui Penyesuaian Keseluruhan	258
33.	Kesan Langsung (KL) dan Kesan Tidak Langsung (KTL) Kecerdasan Emosi dan Sokongan Sosial ke Atas Penyesuaian Keseluruhan	263
34.	Jumlah Kesan Kecerdasan Emosi (EQ), Daya Tindak (DT), dan Sokongan Sosial (SS) ke Atas Pencapaian Akademik (PCA)	266

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Model Longitudinal Pemergian Pelajar di Institusi (Tinto, 1993)	32
2. Satu Perbandingan Definisi EQ Antara Model Keupayaan EQ dengan Model Campuran EQ	42
3. Perbandingan Model EQ	43
4. Model Keupayaan Kecerdasan Emosi	49
5. Model Kecerdasan Emosi Goleman (2001)	56
6. Model Penilaian dan Daya Tindak Folkman et al. (1991)	64
7. Model EQ Matthews dan Zeidner (2000)	100
8. Model Perantaraan Daya Tindak	135
9. Kerangka Konseptual Kajian	143
10. Model Input Pencapaian Akademik Pelajar Baru di Universiti (PAPBU)	155
11. Prosedur Persampelan Menggunakan Kaedah Persampelan Kelompok Pelbagai Peringkat	164
12. <i>Boxplot Skor Min Tahap Penyesuaian Keseluruhan Bagi Pelajar Perempuan dan Pelajar Lelaki</i>	230
13. Min Penyesuaian Keseluruhan Responden yang Berkelulusan SPM, Diploma, dan Matrikulasi	233
14. Min Penyesuaian Keseluruhan Responden Bagi Empat Kelas Ijazah	236
15. Model Pencapaian Akademik Pelajar Baru di Universiti	250
16. Model Perantaraan	256
17. Hubungan Antara Kecerdasan Emosi (EQ) dengan Daya Tindak (DT) dan Sokongan Sosial (SS)	262

## SENARAI SINGKATAN

AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
ANOVA	<i>Analysis of variance</i>
Dlm.	Dalam
DTTE	daya tindak tumpuan emosi
DTTM	daya tindak tumpuan masalah
EQ	kecerdasan emosi
FIG	<i>Freshman Interest Group</i>
hlm.	halaman
ID	nombor pengenalan
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
ISEL	<i>Interpersonal Social Evaluation List</i>
KEE	Kecerdasan Emosi Eksperimen
KES	Kecerdasan Emosi Strategik
KK1	Kepujian Kelas 1
KK2T	Kepujian Kelas 2 Tinggi
KK2R	Kepujian Kelas 2 Rendah
KK3	Kepujian Kelas 3
MLE	<i>maximum likelihood estimation</i>
MLPPI	Model Longitudinal Pemergian Pelajar di Institusi
MSCEIT	<i>Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test</i>
MSCEIT <sup>TM</sup>	<i>Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test-Malay Version</i>
PAPBU	Pencapaian Akademik Pelajar Baharu di Universiti
PcA	pencapaian akademik
PKP	Pusat Kemahiran Pembelajaran
PNG	purata nilaian gred
PMG	purata mata gred
RMSEA	<i>root mean square of error approximation</i>

SACQ	<i>Student Adaptation to College Questionnaire</i>
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i> (Pemodelan Persamaan Struktur)
Sig.	Signifikan
SPSI	Senarai Penilaian Sosial Interpersonal
SPSS	Statistical Package for the Social Science
SR	Skor Relatif
SSCDT	Soal Selidik Cara Daya Tindak
SSPPU	Soal Selidik Penyesuaian Pelajar di Universiti
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UM	<i>University of Michigan</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
WCC	<i>Ways of Coping Checklist</i>
WCQ	<i>Ways of Coping Questionnaire</i>

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pembangunan di sesebuah negara dilihat berkait rapat dengan kualiti sumber manusia atau modal insan yang dimiliki. Dalam konteks ini, institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah pembekal utama modal insan untuk memenuhi keperluan sumber tenaga kerja pelbagai sektor pekerjaan. Perancangan pembangunan pendidikan tinggi yang mantap akan dapat menghasilkan sumber manusia yang mampu menangani cabaran globalisasi dan ekonomi pengetahuan (*knowledge economy*) ke arah mencapai tahap tenaga maju sepenuhnya. Justeru, antara matlamat utama Kementerian Pengajian Tinggi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) ialah membina modal insan yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa (Nik Mustapha, 2007). Sudah menjadi tanggungjawab IPT untuk merealisasikan matlamat pendidikan tinggi negara melalui pelbagai usaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti melalui pelbagai program dan strategi.

Salah satu strategi pelaksanaan dan pelan tindakan yang dilaksanakan oleh IPT ke arah pembangunan pelajar yang cemerlang ialah peningkatan kemudahan dan program sokongan untuk kebajikan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Program sokongan dan perkhidmatan seperti kemudahan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kemudahan kesihatan dan kesejahteraan dan perkhidmatan kebajikan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

merupakan program sokongan yang sedang dilaksanakan di IPT di negara ini. Program sokongan didapati amat membantu para pelajar kerana kajian-kajian menunjukkan majoriti pelajar terutamanya pelajar baharu kurang mampu menghadapi corak dan cabaran kehidupan di kampus seperti bebanan akademik dan masalah sosial sehingga ada yang tidak dapat menyempurnakan pengajian mereka (Gerdes & Mallinckrodt, 1994; Martin Jr., Swartz, & Madson, 1999; Tinto, 1996).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi sewajarnya merupakan satu pengalaman amat memberangsangkan dan memberikan kepuasan kepada pelajar. Namun begitu, jika pelajar kurang bersedia dan tidak berupaya menyesuaikan diri dengan cabaran kehidupan di universiti, impian untuk bergraduat bertukar menjadi sebaliknya. Tanpa bimbingan dan sokongan yang sewajarnya kehidupan pelajar yang kurang berpengalaman ini akan sentiasa dibayangi kebimbangan dan tekanan (Dyson & Renk, 2006). Menurut Smith dan Renk (2007), gabungan antara pelbagai sumber tekanan dalam kehidupan di kampus seperti merancang untuk masa depan, bergelut dengan peperiksaan dan tugasan, menghadapi tuntutan yang mencabar daripada para pensyarah, dan cuba berdikari daripada aspek kewangan dan emosi, memberi impak yang kuat terhadap pengalaman pelajar ini.

Beberapa kajian telah melaporkan bahawa peralihan daripada pendidikan menengah ke peringkat pendidikan tinggi merupakan satu pengalaman yang menyukarkan bagi kebanyakan pelajar tahun satu (Cantor, Norem, Niedenthal, Langston, & Bower,

1987; Perry, Hladkyj, Pekrun, & Pelletier, 2001) dan keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah penyesuaian (Sennett, Finchilescu, Gibson, & Strauss, 2003). Masalah penyesuaian yang tidak dapat ditangani akan mendatangkan tekanan kepada pelajar lalu menjelaskan pencapaian akademik mereka di universiti (Baker & Siryk, 1999; Halamanaris & Power, 1999; Martin Jr. et al., 1999; Sennett, et al., 2003; Wintre & Bowers, 2007; Zuria, Noriah, & Syafrimen, 2004).

Masalah penyesuaian dalam kalangan pelajar tidak boleh dipandang ringan kerana masalah penyesuaian yang serius boleh menyebabkan pelajar gagal menyempurnakan pengajian mereka. Kajian Tinto (1993), dan Martin Jr. et al. (1999), menunjukkan kegagalan mahasiswa menyempurnakan pengajian mereka di universiti adalah disebabkan oleh masalah penyesuaian. Penyesuaian merujuk kepada proses bagaimana pelajar menangani tekanan yang tercetus daripada cabaran kehidupan mereka di IPT. Proses penyesuaian ini melibatkan usaha pelajar untuk membina hubungan yang baharu, mengubah suai hubungan yang ada dengan ibu bapa dan ahli keluarga, membentuk tabiat belajar baharu bersesuaian dengan persekitaran akademik yang baharu, dan belajar untuk berdikari daripada segi pengurusan masa dan wang (Parker, Summerfeldt, Hogan, & Majeski, 2004).

Penyesuaian di universiti banyak berkaitan dengan faktor-faktor psikososial yang meliputi pelbagai aspek seperti personaliti (Lidy & Kahn, 2006), pembelajaran aturan-kendiri (Ley & Young, 1998), pengurusan masa, orientasi matlamat dan advokasi kendiri (Byrd & Macdonald, 2005), kecerdasan emosi (EQ) atau *emotional quotient* (Aspinwall & Taylor, 1992; Ciarrochi, Deane, Anderson, 2002; Ciarrochi &

Scott, 2006; Izard, 2001), daya tindak atau *coping* (Aspinwall & Taylor, 1992; Dyson & Renk 2006; Zeidner & Hammer, 1990; Mathews & Zeidner, 2000; Park & Adler, 2003; Zeidner & Saklofske, 1996) dan sokongan sosial (Cauce, Mason, Gonzales, Hiraga, & Liu, 1994; Eldeleklioğlu, 2006; Napoli & Wortman, 1998; Smith & Renk, 2007; Tinto, 1993).

Antara faktor psikososial yang perlu diberi penekanan ialah faktor EQ, daya tindak dan sokongan sosial. Kepentingan EQ dan daya tindak dalam penyesuaian pelajar telah ditegaskan oleh Parker et al. (2002) yang mengatakan bahawa keupayaan intrapersonal (komponen EQ) dan kemahiran menggunakan strategi daya tindak yang realistik dan luwes merupakan faktor yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar yang beralih daripada peringkat persekolahan menengah ke peringkat universiti. Ketiga-tiga faktor ini didapati menyumbang kepada aspek penyesuaian pelajar tatkala belajar di IPT.

### **1.2.1 Faktor Kecerdasan Emosi (EQ)**

Salah satu keupayaan yang memainkan peranan yang penting dalam penyesuaian pelajar di universiti ialah EQ. EQ merujuk kepada keupayaan seseorang membuat persepsi dan penyampaian emosi yang tepat, menggunakan emosi untuk membantu proses pemikiran, memahami emosi dan mengurus emosi dalam diri sendiri dan diri orang lain (Mayer & Salovey, 1997).